




**KAEDAH-KAEDAH DADAH
BERBAHAYA (LANGKAH-
LANGKAH PENCEGAHAN
KHAS) PROSEDUR LEMBAGA
PENASIHAT(1987)**



KAEDAH-KAEDAH DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-
LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PROSEDUR
LEMBAGA PENASIHAT) 1987

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama.
2. Tafsiran.
3. Prosedur untuk membuat representasi.
4. Bentuk representasi.
5. Pendengaran representasi.
6. Prosedur untuk mengkaji semula perintah tahanan dan perintah sekatan.
7. Prosiding hendaklah secara tertutup.
8. Pengundian.
9. Notis supaya mengemukakan orang tahanan atau orang sekatan.
10. Prosedurnya jika tiada peruntukan nyata.

JADUAL

**KAEDAH-KAEDAH DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-
LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PROSEDUR
LEMBAGA PENASIHAT) 1987***

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 9(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

1. Nama.

Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.

2. Tafsiran.

Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Lembaga” ertinya suatu Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan;

“orang sekatan” ertinya seseorang yang disekat menurut suatu perintah sekatan;

“orang tahanan” ertinya seseorang yang ditahan menurut suatu perintah tahanan;

“Pegawai Penjaga”, berhubungan dengan mana-mana tempat tahanan, ertinya pegawai penjaga (dengan apa jua nama jawatan dia diperihalkan) bagi tempat tahanan itu;

“Pengerusi” ertinya seseorang yang dilantik menjadi Pengerusi Lembaga di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan;

“perintah sekatan”, ertinya suatu perintah yang dibuat oleh Menteri untuk menyekat seseorang di bawah seksyen 6(3) Akta;

“perintah tahanan” ertinya suatu perintah yang dibuat oleh Menteri untuk menahan seseorang di bawah seksyen 6(1) Akta;

“Setiausaha” ertinya orang yang melaksanakan kewajipan-kewajipan setiausaha kepada Lembaga;

“tempat tahanan”, berhubungan dengan mana-mana orang tahanan, ertinya suatu tempat tahanan di bawah seksyen 6(2) Akta.

3. Prosedur untuk membuat representasi.

(1) Apabila mana-mana orang disampaikan dengan suatu perintah taha-

* Diterbit sebagai P.U. (A) 345/1987.

nan, pegawai polis yang menyampaikan perintah tahanan itu hendaklah pada masa yang sama—

- (a) memberitahu orang itu akan haknya untuk membuat representasi-representasi terhadap perintah tahanan itu; dan
- (b) memberikan kepadanya⁹ tiga salinan Borang I yang ditetapkan dalam Jadual dan mendapatkan daripadanya suatu akuterima mengenai penerimaannya.

(2) Seseorang orang tahanan yang ingin membuat apa-apa representasi hendaklah mengisi Borang I dan hendaklah menghantar dua salinan Borang I yang telah diisikan dan ditandatangani dengan sepenuhnya oleh orang tahanan itu kepada Setiausaha melalui Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perintah tahanan itu telah disampaikan atau kepada Pegawai Penjaga tempat tahanan itu.

(3) Apabila seseorang orang tahanan dibawa ke suatu tempat tahanan, Pegawai Penjaga hendaklah dengan seberapa segera yang praktik mengingatkan orang itu akan haknya untuk membuat representasi-representasi.

(4) Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perintah tahanan itu disampaikan atau Pegawai Penjaga, mengikut mana yang berkenaan, yang menerima apa-apa representasi bertulis dalam Borang I hendaklah menghantar representasi itu kepada Setiausaha dengan serta-merta.

(5) Jika seseorang orang tahanan enggan menerima penyampaian apa-apa dokumen yang kehendak disampaikan kepadanya di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini, maka Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perintah tahanan itu disampaikan hendaklah memberitahu Setiausaha dengan serta-merta mengenai keengganan itu dan hendaklah dianggapkan yang orang tahanan itu tidak membuat apa-apa representasi terhadap perintah tahanan itu.

(6) Seseorang orang tahanan yang enggan menerima penyampaian apa-apa dokumen pada masa dia disampaikan dengan perintah tahanan itu boleh meminta Pegawai Penjaga menyampaikan Borang I kepadanya dan Pegawai Penjaga itu hendaklah, apabila permintaan yang sedemikian dibuat, menyampaikan tiga salinan Borang I kepada orang tahanan itu dan memberitahu Setiausaha mengenai penyampaian itu.

4. Bentuk representasi.

(1) Apa-apa representasi terhadap sesuatu perintah tahanan boleh dibuat secara bertulis.

(2) Alasan-alasan bantahan terhadap perintah tahanan itu atau sebab-sebab mengapa penahanan itu patut dihentikan hendaklah diberikan dalam Borang I dan jika Borang itu tidak mencukupi untuk mengandungi alasan-alasan dan sebab-sebab itu, ia boleh dituliskan di atas sehelai kertas yang berasingan untuk dikepilkan sebagai suatu tambahan kepada Borang I.

(3) Orang tahanan itu boleh menyatakan dalam borang yang sama, sama ada dia bercadang hendak hadir bersendirian atau melalui wakilnya atau kedua-duanya.

5. Pendengaran representasi.

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, apabila apa-apa representasi diterima oleh Setiausaha, Pengerusi hendaklah menetapkan suatu masa dan tempat bagi representasi itu dipertimbangkan oleh Lembaga dan hendaklah menyebabkan suatu notis mengenainya dalam Borang II di dalam Jadual disampaikan kepada orang tahanan dan peguambelanya jika peguambela itu ada dinamakan dalam Borang I.

(2) Orang tahanan itu boleh hadir di hadapan Lembaga sama ada bersendirian atau bersama peguambelanya atau diwakili oleh peguambelanya pada masa dan di tempat yang ditetapkan itu.

(3) Orang tahanan itu atau wakilnya, mengikut mana yang berkenaan, boleh menyampaikan kata-kata kepada Lembaga secara lisan untuk menguatkan atau meluaskan alasan-alasan atau sebab-sebab yang diberikan dalam Borang I.

(4) Lembaga boleh terus menimbangkan dan memutuskan—

- (a) dalam hal di mana orang tahanan itu atau wakilnya hadir, representasi yang dibuat itu setelah mendengar kata-kata yang disampaikan itu, jika ada; atau
- (b) dalam hal di mana orang tahanan itu atau wakilnya hadir, hanya representasi bertulis yang dibuat dalam Borang I sahaja.

6. Prosedur untuk mengkaji semula perintah tahanan dan perintah sekatan.

(1) Pengerusi hendaklah menetapkan masa dan tempat untuk mengkaji semula apa-apa perintah tahanan atau perintah sekatan di bawah Seksyen 11 Akta.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan suatu notis dalam Borang III yang ditetapkan dalam Jadual diberikan kepada orang tahanan atau orang sekatan yang kepadanya perintah tahanan atau perintah sekatan itu berkaitan, mengikut mana yang berkenaan, dan kepada Pegawai Penjaga menyatakan masa dan tempat di mana Lembaga akan bersidang untuk mengkaji semula perintah tahanan atau perintah sekatan itu.

(3) Orang tahanan atau orang sekatan boleh hadir sama ada bersendirian atau bersama peguambelanya atau diwakili oleh peguambelanya di hadapan Lembaga, pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu.

7. Prosiding hendaklah secara tertutup.

Semua prosiding di hadapan Lembaga di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dijalankan secara tertutup.

8. Pengundian.

Semua persoalan di hadapan Lembaga hendaklah diputuskan mengikut undi lebih suara tetapi jika keputusan berbelah-bagi disebabkan mana-mana ahli tidak mahu mengundi, maka pemutusan yang dibuat oleh Pengerusi hendaklah terpakai.

9. Notis supaya mengemukakan orang tahanan atau orang sekatan.

(1) Jika suatu notis di bawah kaedah 6 telah disampaikan kepada orang tahanan atau orang sekatan, maka adalah menjadi kewajipan Pegawai Penjaga untuk mengemukakan orang itu di hadapan Lembaga, mengikut peruntukan-peruntukan Akta.

(2) Mana-mana orang tahanan yang dibawa keluar dari suatu tempat tahanan menurut perenggan (1) hendaklah, semasa dia berada di luar tempat tahanan, disifatkan berada dalam jagaan yang sah.

10. Prosedurnya jika tiada peruntukan nyata.

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyatanya oleh Kaedah-Kaedah ini maka Lembaga boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

(2) Khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), Lembaga boleh menurut budi bicaranya, setelah memberi pertimbangan-pertimbangan mengenai keselamatan, menentukan—

- (a) sama ada keterangan mana-mana saksi patut didengar di hadapan orang tahanan atau peguambelanya atau kedua-duanya;
- (b) sama ada mana-mana pegawai polis patut dikehendaki hadir di hadapan Lembaga sekali dengan orang tahanan atau peguambelanya, atau kedua-duanya; dan
- (c) sama ada apa-apa dokumen atau maklumat-maklumat lain patut disediakan atau didedahkan kepada orang tahanan atau peguambelanya atau kedua-duanya.

JADUAL

BORANG I
(Kaedah 3(1))

*Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-langkah
Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987*

REPRESENTASI BERKAITAN DENGAN PERINTAH TAHANAN

Kepada Setiausaha, Lembaga Penasihat,

*Nama penuh

*KPPN No. Bangsa

Pekerjaan

Tempat Tahanan

Tarikh dan Tempat Ditangkap.....

Saya, yang
bernama di atas dengan ini membuat representasi terhadap perintah tahanan
saya seperti berikut:

Saya bercadang/tidak bercadang untuk hadir di hadapan Lembaga Pena-
sihat.

Saya bercadang/tidak bercadang untuk diwakili oleh peguambela.

† Saya akan menyampaikan kata-kata kepada Lembaga dalam bahasa/
dialek.....

Bertarikh pada:..... haribulan..... 19.....

.....
*Tandatangan atau Tanda yang
dibuat oleh Orang Tahanan*

Representasi direkodkan oleh.....
(jika yang di atas itu tidak ditulis oleh orang tahanan)

[†Hendaklah diisi hanya jika orang yang membuat representasi bercadang
untuk hadir di hadapan Lembaga].

* Jika orang tahanan itu dikenali dengan lebih daripada satu nama, tiap-tiap satu nama
itu mestilah dimasukkan secara penuh.

Dibacakan/Diterjemahkan kepada orang tahanan oleh

.....
(Jurubahasa)

Pengakuan oleh orang tahanan bahawa yang di atas itu telah dibacakan/
diterjemahkan kepadanya.

.....
*Tandatangan atau Tanda yang
dibuat oleh Orang Tahanan*

BORANG II
(Kaedah 5(1))

*Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-langkah
Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987*

NOTIS PENDENGARAN REPRESENTASI

Kepada

Sila ambil perhatian bahawa Lembaga Penasihat akan bersidang di

.....
pada..... hari/ulan..... 19.....
pada pukul..... pagi/petang bagi maksud mendengar represen-
tasi-representasi oleh kamu atau peguambela kamu berkaitan dengan perintah
tahanan yang dibuat terhadap kamu.

Bertarikh.....

.....
Pengerusi

BORANG III
(Kaedah 6(2))

*Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-langkah
Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987*

NOTIS PENDENGARAN KAJIAN SEMULA

Kepada

Sila ambil perhatian bahawa Lembaga Penasihat akan bersidang di.....

pada..... haribulan..... 19.....

pukul..... pagi/petang bagi maksud mendengar dan mengkaji semula perintah tahanan/perintah sekatan yang dibuat terhadap kamu.

2. Sila ambil ingatan bahawa kamu boleh hadir bersendirian atau bersama peguambela kamu.

Bertarikh.....

.....
Pengerusi

*Kepada Pegawai Penjaga/Pegawai Penjaga Daerah Polis.

Sila buat persiapan-persiapan perlu untuk mengemukakan *orang tahanan/orang sekatan itu di hadapan Lembaga di tempat dan pada masa yang dinyatakan di atas.

* Potong yang mana tidak berkenaan.